

Omar Ahmad
omar@metro.com.my

Johor Bahru

Barupun menghadapi masalah tulang rapuh, berstatus orang kurang upaya (OKU) dan mempunyai ketinggian 80 sentimeter, Ariq Arif Daniah Razali, 7, tetap bersemangat memulakan sesi

persekolahan tahun satu di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Perling, di sini, semalam.

Ibu Ariq Arif Daniah, Samsiah Dedah, 36, berkata, anaknya begitu bersemangat ke sekolah dan mengikutinya daripada tidur jam 6 pagi sejak kemarin untuk ke sekolah.

Katanya, walaupun fizikal anaknya kecil, tetapi tahap pemikiran seperti kanak-kanak normal lain.

"Ariq ini kalau tidak kenal orang memang tak mahu bercakap, tapi sebenarnya dia kanak-kanak penang.

"Walaupun dia ada tulang rapuh dan hanya menggosok untuk bergerak, dia mempunyai pemikiran normal dan boleh mengenal huruf, belajar, bercakap dan mempunyai keistimewaan mewarna.

"Sebelum ini saya pernah menghantar Ariq ke persekolahan di Sekolah

SEMANGAT ARIQ ARIF

■ **Kanak-kanak hidap tulang rapuh tak lepas peluang sertai rakan**

Bandar Tinggi di sini dan dari situ dia minat belajar serta bergaul dengan kawan-kawan," katanya ketika pada hari pertama persekolahan Pendidikan Khas di SK Taman Perling, di sini, semalam.

Menurut Samsiah, dia dan suami Mustafa, 40, dimaklumkan mengenai keadaan Ariq sejak kandungannya berusia lapan bulan dan menerima keistimewaan Ariq dengan hati terbuka.

Katanya, dari segi peristiwanya di sekolah agak sukar dan terpaksa memakai baju T putih serta seluar sukan pada hari pertama persekolahan kerana saiz tubuhnya yang kecil.

"Uniform sekolah sudah beli tetapi disebabkan saiz tubuh yang kecil, saya terpaksa hantar pakaian tersebut untuk diolah suai dan ia belum siap lagi," katanya.



ARIQ Arif Daniah mahu masuk ke tahun satu Pendidikan Khas SK Taman Perling, Johor Bahru.